

## **TERMA DAN SYARAT**

### **KAD UOBM LADY'S: PROMOSI "DAILY TEN"**

#### **Kelayakan Promosi**

1. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") sedang **menjalankan Promosi Kad UOBM Lady's "Daily Ten" ("Promosi") dari 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016** (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Promosi") kecuali dimaklumkan sebaliknya.
2. Promosi ini terbuka kepada semua Ahli Kad Utama dan Tambahan UOB Lady's yang mempunyai akaun yang terkini, sah, wujud dan dalam keadaan kredit yang baik yang ditetapkan oleh UOBM berdasarkan budi bicara mutlaknya ("Ahli Kad").
3. Promosi ini hanya dibuka untuk Kad UOB Lady's yang dikeluarkan di Malaysia.
4. Berikut adalah mereka yang tidak layak untuk Promosi ini :-
  - a) Ahli Kad yang akaun(-akaun)nya telah ditamatkan, digantung atau dibatalkan dalam Tempoh Promosi ini;
  - b) Semua UOBM Kredit dan Debit Kad lain yang tidak memegang Kad UOB Lady;
  - c) Sebarang akaun dengan UOBM yang didapati delinkuen, atau tidak diuruskan dengan baik sepertimana yang ditentukan oleh UOBM mengikut budi bicara mutlaknya;
  - d) Individu yang tidak siuman atau yang menjadi tidak siuman, telah meninggal dunia, bankrap atau mereka yang mempunyai apa-apa bentuk prosiding undang-undang yang dikenakan terhadap mereka.

#### **Mekanisme Promosi**

5. Di bawah Promosi ini, Ahli Kad layak untuk menerima **10% Pulangan Tunai ('Pulangan Tunai')** bagi apa-apa pembelian ('Perbelanjaan yang Layak') menggunakan Kad UOB Lady's di kedai-kedai runcit yang dinyatakan dalam jadual di bawah ('Kedai runcit yang layak') :-

Kedai-kedai runcit	Kategori
Tesco	Runcit
Giant	
Jay Grocer	
Cold Storage	

6. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Perbelanjaan yang Layak tidak termasuk apa-apa pembelian atas talian. Pembelian atas talian tidak layak untuk Pulangan Tunai.
7. Semua Perbelanjaan yang Layak dibuat semasa Tempoh Promosi mesti diperoleh oleh sistem kad kredit dikekalkan oleh UOBM untuk layak mendapatkan Pulangan Tunai.

- Transaksi yang dilakukan oleh Ahli Kad Tambahan akan diagregatkan dengan perbelanjaan Ahli Kad Utama dan Pulangan Tunai hanya akan dikreditkan ke dalam akaun Ahli Kad Utama.

#### **Peruntukan Pulangan Tunai**

- Jumlah pembayaran Pulangan Tunai sebulan bagi Promosi ini adalah sebanyak RM150,000 yang akan diberikan semasa Tempoh Promosi mengikut dasar siapa cepat dia dapat berdasarkan rekod transaksi UOBM. UOBM tidak mempunyai sebarang tanggungjawab untuk memaklumkan Ahli Kad jika jumlah Pulangan Tunai mencapai had maksimum pembayaran sebulan.
- Setiap Ahli Kad UOBM Lady's Solitaire layak mendapat Pulangan Tunai maksimum RM80 setiap bulan kalendar.
- Setiap Ahli Kad UOBM Lady's Platinum layak mendapat Pulangan Tunai maksimum RM50 setiap bulan kalendar.
- Setiap Ahli Kad UOBM Lady's Classic layak mendapat Pulangan Tunai maksimum RM30 setiap bulan kalendar.
- Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Ahli Kad Kredit yang tertinggi dan akan dinyatakan di dalam Penyata Akaun bulanan dalam tempoh dua (2) bulan dari bulan Perbelanjaan yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Jadual A: Jadual Pulangan Tunai di bawah.

Jadual A: Jadual Pulangan Tunai

<b>Perbelanjaan yang Layak di bulan</b>	<b>Pulangan Tunai dikredit di bulan</b>
1 Januari 2016 – 31 Januari 2016	Februari 2016 / Mac 2016
1 Februari 2016 – 29 Februari 2016	Mac 2016 / April 2016
1 Mac 2016 – 31 Mac 2016	April 2016 / Mei 2016
1 April 2016 – 30 April 2016	Mei 2016 / Jun 2016
1 Mei 2016 – 31 Mei 2016	Jun 2016 / Julai 2016
1 Jun 2016 – 30 Jun 2016	Julai 2016 / Ogos 2016
1 Julai 2016 – 31 Julai 2016	Ogos 2016 / September 2016
1 Ogos 2016 – 31 Ogos 2016	September 2016 / Oktober 2016
1 September 2016 – 30 September 2016	Oktober 2016 / November 2016
1 Oktober 2016 – 31 Oktober 2016	November 2016/ Disember 2015
1 November 2016 – 30 November 2016	Disember 2016/ Januari 2017
1 Disember 2016 – 31 Disember 2016	Januari 2017/ Februari 2017

- Pulangan Tunai ini tidak boleh dipindahmilik dan tidak boleh ditukar kepada tunai atau barang lain.

15. Pada masa Pulangan Tunai tersebut dikreditkan ke dalam Akaun Ahli Kad Kredit UOBM Lady's yang layak, Akaun tersebut mesti dalam keadaan terkini, sah, wujud dan dalam keadaan kredit yang baik sebagaimana yang ditetapkan oleh UOBM mengikut budi bicara mutlaknya dan tidak melanggar sebarang terma dan syarat ini dan/atau sebarang terma dan syarat di dalam Perjanjian Ahli Kad UOBM VISA/MasterCard ("Perjanjian Ahli Kad").

**16. Perbelanjaan di bawah Promosi ini tidak layak untuk mendapatkan UNIRinggit di bawah Program Ganjaran UOBM UNIRinggit.**

17. Sebarang alatan, aksesori atau barang yang dipaparkan bersama Pulangan Tunai di dalam semua bahan bercetak, laman web atau cawangan-cawangan UOBM adalah untuk tujuan perhiasan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada Pulangan Tunai.

18. UOBM berhak untuk:-

- a) Membatalkan Pulangan Tunai jika terdapat pembalikan entri Perbelanjaan yang Layak atau pembatalan atau penamatan Kad UOBM Lady's Ahli Kad Yang Layak dalam Tempoh Promosi atau ketidakpatuhan atau pelanggaran terma dan syarat ini atau Perjanjian Ahli Kad UOBM VISA/MasterCard dengan notis terdahulu tanpa memberi sebarang sebab;
- b) Menggantikan Pulangan Tunai pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya dengan notis terdahulu;
- c) Menarikbalik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Promosi sebelum tarikh tamat Tempoh Promosi, secara keseluruhan atau sebahagian pada bila-bila masa dengan notis terdahulu mengikut budi bicara mutlaknya.

**Terma dan syarat am**

19. Dengan menyertai Promosi ini, Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini dan terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad.

20. Keputusan UOBM berkaitan dengan segala perkara berkaitan Promosi ini adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk memberi sebarang alasan dan/atau melayan surat-menyurat dengan mana-mana pihak mengenai apa-apa perkara mengenai Promosi.

21. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, pertubuhan pedagang, pihak pos atau telekomunikasi atau mana-mana parti yang mungkin menyebabkan Ahli Kad tersingkir dari Promosi.

22. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liability dalam apa jua bentuk yang dialami oleh Ahli Kad dan / atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Promosi ini.

23. UOBM tidak mempunyai kaitan dengan Kedai Runcit Yang Layak dan tidak membuat sebarang perwakilan dan jaminan berhubung dengan kualiti barang dan / atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh Kedai Runcit Yang Layak.
24. UOBM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecacatan atau ketidakpuasan hati kualiti barang dan / atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh Kedai Runcit Yang Layak.
25. UOBM tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa salah nyataan atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkenaan dengan Promosi dan diterbitkan dalam mana-mana media massa, pemasaran atau pengiklanan.
26. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM secara jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, sama ada tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa terhad kepada apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Promosi ini.
27. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan Promosi, terma dan syarat ini akan diguna pakaikan.
28. UOBM berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah terma dan syarat Promosi ini dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian mengikut budi bicara mutlaknya dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari terdahulu kepada Ahli Kad melalui paparan di laman web UOBM, memaparkan notis di cawangan UOBM dan/atau melalui Penyata Akaun.
29. Terma dan syarat ini adalah ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.